



Sesungguhnya Allah tidak menzalimi seorang mukmin akan kebajikannya; dia diberi ganjaran kerananya di dunia dan dibalas di akhirat

Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, beliau berkata: رسول الله صلى الله عليه وسلم bersabda: «Sesungguhnya Allah tidak menzalimi seorang mukmin akan kebajikannya; dia diberi ganjaran kerananya di dunia dan dibalas di akhirat. Adapun orang kafir, maka dia diberi ganjaran dengan kebajikan-kebajikan yang dilakukannya di dunia, sehinggalah apabila dia tiba di akhirat, tidak ada lagi baginya satu kebajikan pun yang akan dibalas».

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ menjelaskan kurniaan Allah yang agung ke atas orang-orang mukmin, dan keadilan-Nya terhadap orang-orang kafir. Adapun bagi seorang mukmin, ganjaran kebajikan yang dilakukannya tidak akan dikurangkan. Sebaliknya, dia diberikan kebajikan di dunia sebagai balasan atas ketaatannya, di samping ganjaran yang disimpan untuknya di akhirat. Adakalanya pula, keseluruhan ganjaran itu disimpan sepenuhnya untuknya di akhirat. Adapun bagi orang kafir, Allah akan membalas kebajikan yang dilakukannya dengan ganjaran di dunia, sehinggalah apabila dia kembali ke akhirat, tiada lagi sebarang pahala untuknya yang akan dibalas; kerana amalan soleh yang bermanfaat di dunia dan akhirat mestilah pelakunya seorang mukmin.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65015>

